



**Mahasiswa USIM ceria** meraikan kejayaan menawan puncak Gunung Angsi.

# Tawan puncak Gunung Angsi

**Kuala Pilah:** Seramai 82 mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) membuktikan ketahanan mental dan fizikal dengan melakukan pendakian selama dua jam setengah untuk menawan puncak Gunung Angsi di Tanjung Ipoh di sini, baru-baru ini.

Program itu dianjurkan oleh Biro Sukan & Pembangunan Belia, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM Sesi 2015/2016, bertujuan memberi pendedahan dan menerapkan semangat menghargai keindahan alam sekitar kepada peserta.

EXCO terbabit, Mohamad Zulfazdli Mohamad Hisam, berkata objektif program itu selaras matlamat universiti untuk melahirkan graduan yang memiliki kedua-dua ilmu naqliah dan akliah, di samping serba boleh dalam pelbagai aspek.

## **Seimbang**

“Pendakian ini juga melatih peserta untuk menjaga alam sekitar, sekali gus meningkatkan ilmu pengetahuan mereka mengenai flora dan fauna.

“Adalah penting untuk mahasiswa menyertai

aktiviti luar kerana ilmu pengetahuan bukan hanya boleh diperolehi melalui kuliah.

“Mahasiswa cemerlang perlu seimbang dalam kedua-dua aktiviti kurikulum dan kokurikulum,” katanya.

Beliau berkata, pembabitan aktif mahasiswa dalam pelbagai aktiviti bermanfaat dapat menjana graduan yang berfikiran luas dan memiliki minda kelas pertama.

## **Fakta nombor**

# 82 PESERTA

Tawan puncak Gunung Angsi

# 2.5 JAM

Tempoh pendakian